



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)**

[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



## SUMBER MAKLUMAT DAN DINAMIKA POLITIK MASYARAKAT DI DUN SUNGAI BAKAP, PULAU PINANG

*SOURCES OF INFORMATION AND POLITICAL DYNAMICS OF THE SOCIETY  
IN SUNGAI BAKAP STATE CONSTITUENCY, PENANG*

Mohd Rahimi Ramli<sup>1\*</sup>, Mazli Mamat<sup>2</sup>, Abdul Hadi Samsi<sup>3</sup>, Faezah Kassim<sup>4</sup>, Mohd Syariefudin Abdullah<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Malaysia  
Email: rahimiramli@umpsa.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Malaysia  
Email: mazlimamat@gmail.com

<sup>3</sup> Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Malaysia  
Email: hadisamsi@umpsa.edu.my

<sup>4</sup> Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Malaysia  
Email: faezahkassim@um.edu.my

<sup>5</sup> Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: syariefudin@fsk.upsi.edu.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 10.10.2024

Revised date: 27.10.2024

Accepted date: 13.11.2024

Published date: 13.12.2024

#### To cite this document:

Ramli, M. R., Mamat, M., Samsi, A. H., Kassim, F., & Abdullah, M. S. (2024). Sumber Maklumat dan Dinamika Politik Masyarakat di DUN Sungai Bakap, Pulau Pinang. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9 (38), 311-325.

DOI: 10.35631/IJLGC.938020

### Abstrak:

Dinamika politik setiap kawasan pilihan raya menjadi penentu kepada pola keputusan dalam sesebuah pilihan raya. Budaya politik masyarakat di sesebuah kawasan membentuk konfigurasi budaya politik mengikut etnik dan status sosial setempat. Justeru kajian berkaitan kecenderungan dan dinamika politik masyarakat di setiap Pilihan Raya Kecil (PRK) khususnya dapat memberi gambaran sebenar bentuk konfigurasi budaya politik mengikut perbezaan kawasan dan perubahan sentimen isu semasa. Kajian ini melibatkan responden seramai 444 orang dalam kalangan masyarakat di Sungai Bakap. Responden kajian ini terdiri daripada etnik Melayu, Cina dan India. Persampelan bersrata dan persampelan mudah digunakan dalam menentukan sampel kajian. Hasil kajian mendapat majoriti responden menggunakan *Tiktok*, *Facebook*, dan *WhatsApp* sebagai medium sumber maklumat politik mereka. Dalam aspek dinamika politik, hasil kajian yang diperoleh majoriti membuang undi mengundi berasaskan faktor calon. Bagi kriteria calon, responden rata-rata memilih kriteria calon bertanggungjawab kepada rakyat, tidak rasuah dan menjaga agama sebagai tiga (3) kriteria utama. Bagi kriteria parti politik yang menjadi pilihan responden pula ialah parti yang bertanggungjawab kepada

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



rakyat, pemimpin parti tidak terlibat dengan rasuah dan parti yang mampu menjaga agama. Oleh sebab itu, parti politik yang berjaya membina naratif sentimen yang berasaskan kepada kriteria tersebut lebih menjadi pilihan kepada pengundi di kawasan DUN Sungai Bakap.

### Kata Kunci:

Dinamika, Kecenderungan, Kriteria, Sumber Maklumat, Sungai Bakap

### Abstract:

The political dynamics of each constituency are decisive for the pattern of results in an election. The political culture of the community in an area forms the configuration of the political culture according to ethnicity and local social status. Thus, studies related to the political tendencies and dynamics of the community in each by-election in particular can provide a true picture of the configuration of political culture according to regional differences and changes in sentiment on current issues. This study involved a total of 444 respondents from the community in Sungai Bakap. The respondents of this study consisted of ethnic Malays, Chinese and Indians. Stratified sampling and convenience sampling are used in determining the study sample. The results of the study found that the majority of respondents use Tiktok, Facebook, and WhatsApp as their medium of political information sources. In terms of political dynamics, the results of the study obtained by the majority cast votes based on candidate factors. As for candidate criteria, the average respondent chose the candidate criteria of being responsible to the people, not corrupt and taking care of religion as the three (3) main criteria. As for the criteria of the political party chosen by the respondents, it is a party that is responsible to the people, the party leader is not involved in corruption and a party that can protect religion. For this reason, political parties that successfully build sentimental narratives based on these criteria are more favoured by voters in the Sungai Bakap state constituency.

### Keywords:

Dynamics, Trends, Criteria, Information Sources, Sungai Bakap

## Pendahuluan

Pilihan Raya Kecil (PRK) di Malaysia diadakan apabila terdapat kekosongan di Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri (DUN) sebelum tempoh mandat lima tahun tamat. Kekosongan kerusi ini berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor, antaranya kematian wakil rakyat, perletakan jawatan, pembatalan keputusan pilihan raya oleh mahkamah, atau sebab-sebab lain. Selain daripada itu PRK diadakan untuk memastikan kawasan tersebut terus diwakili oleh seorang ahli Parlimen atau ahli Dewan Undangan Negeri. Proses PRK biasanya melibatkan kempen oleh calon-calon yang bertanding, diikuti dengan pengundian oleh pengundi berdaftar di kawasan tersebut (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2024).

Bagi DUN Sungai Bakap, PRK diadakan akibat kekosongan kerusi selepas kematian penyandangnya, Allahyarham Nor Zamri Latiff yang juga merupakan Yang Dipertua Pas Nibong Tebal pada 24 Mei 2024 (Astro Awani, 2024). Berikutnya kekosongan ini, Perlembagaan Persekutuan dan peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan bahawa PRK perlu diadakan untuk mengisi kerusi tersebut, kecuali jika kekosongan itu berlaku

dalam tempoh dua tahun sebelum tamat penggal Dewan Undangan Negeri (SPR, 2024). Melihat kepada sejarah Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Bakap boleh dikatakan seimbang dan pernah diterajui oleh parti-parti politik utama di Malaysia. Mengambil beberapa siri kepimpinan di Sungai Bakap pada tahun 1990-2004 Sungai Bakap telah dimenangi oleh Ahmad Jamil Mohd Noor daripada United Malays National Organisation (UMNO). Ahmad Jamil Mohd Noor memegang kerusi DUN Sungai Bakap selama beberapa penggal, dari tahun 1990 hingga 2004, di bawah bendera BN-UMNO. Beliau merupakan ADUN yang berjaya mempertahankan kerusi ini untuk UMNO dalam beberapa pilihan raya umum sebelum ia beralih kepada MCA pada tahun 2004 (Web Rasmi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, 2024).

Manakala bagi tempoh 2004 hingga 2008, kerusi ini telah dimenangi oleh Ng Siew Lai daripada Malaysian Chinese Association (MCA). Ng Siew Lai adalah ADUN Sungai Bakap mewakili BN-MCA selepas memenangi kerusi tersebut dalam Pilihan Raya Umum ke-11 (2004). Namun, beliau kalah kepada calon PKR, Maktar Shapee, dalam Pilihan Raya Umum ke-12 pada tahun 2008. Maktar Shapee daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR) telah memenangi kerusi ini bermula 2008 hingga 2023. Maktar Shapee merupakan ADUN Sungai Bakap selepas memenangi kerusi tersebut dalam Pilihan Raya Umum ke-12 (2008) di bawah PKR. Beliau tidak bertanding dalam pilihan raya berikutnya pada tahun 2013, di mana kerusi ini kemudian dimenangi Nor Zamir Latif Web Rasmi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, (2024). Seterusnya selepas PRN Nor Zamri Latiff yang juga merupakan Yang Dipertua Pas Nibong Tebal telah memenangi Kerusi bagi Sungai Bakap bermula 2013 sehingga meninggal dunia pada Mei 2024 dan digantikan dengan Abidin Ismail, yang juga merupakan Naib Yang Dipertua PAS Nibong Tebal daripada PAS bermula Juali 2024 sehingga kini (Astro Awani). Melihat kepada sejarah Yang Berhormat (YB) di Sungai Bakap menunjukkan kepelbagaiannya penerimaan rakyat terhadap parti-parti politik. Kerusi DUN Sungai Bakap telah mengalami perubahan wakil rakyat dan parti yang mewakili kawasan tersebut sepanjang beberapa dekad, mencerminkan dinamika politik di peringkat negeri dan nasional.

Dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Sungai Bakap yang diadakan pada 6 Julai 2024, Perikatan Nasional (PN) berjaya mempertahankan kerusi tersebut. Calon PN, Abidin Ismail, yang juga merupakan Naib Yang Dipertua PAS Nibong Tebal telah memenangi PRK ini dengan majoriti 4,267 undi. Beliau memperoleh 14,489 undi, mengalahkan calon Pakatan Harapan (PH), Dr. Joohari Ariffin, yang meraih 10,222 undi (Audrey & Siti Aminah, 2024). Hasil kemenangan ini membolehkan PN untuk mengekalkan status quo di dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, iaitu sebanyak 11 kerusi daripada jumlah keseluruhan 40 kerusi yang mana telah dimenangi oleh gabungan Kerajaan Perpaduan (Bernama, 2024). Melihat kepada tren pengundian bagi PRK DUN Sungai Bakap terdapat beberapa perkara yang membawa kepada kecenderungan dan dinamika politik oleh masyarakat antaranya isu berkaitan kenaikan kos sara hidup dan diesel. Kedua-dua isu ini menjadi senjata utama yang berjaya menambat hati pengundi terutamanya anak-anak muda terhadap calon Perikatan Nasional (PN). Hasilnya Pakatan Harapan (PH) tewas di kesemua Pusat Daerah Mengundi (PDM) Puteri Gunong. Lebih mengejutkan lagi PH yang sinonim dengan pengundi Cina dan India tewas dan gagal mendapat sokongan kaum berkenaan bagi PRK Sungai Bakap dengan jumlah undi telah jatuh ke 41.1 peratus berbanding Pilihan Raya Negeri (PRN) 2023 yang lepas (Fahmy, 2024).

Selain daripada itu, hasil pemerhatian oleh para penganalisis politik menunjukkan bahawa terdapat beberapa tren pengundi yang menarik untuk diperhatikan sepanjang PRK Sungai Bakap antaranya kehadiran pengundi yang baik. PRK ini mencatatkan peratusan keluar mengundi yang agak tinggi, menunjukkan minat yang konsisten dalam kalangan pengundi tempatan walaupun ia hanya PRK. Kehadiran pengundi adalah sekitar 75 peratus, yang mencerminkan kepentingan yang diberikan oleh pengundi terhadap pemilihan wakil mereka (Nur Izzati, 2024). Selain itu, pola pengundian di Sungai Bakap turut dipengaruhi oleh faktor kaum. Pengundi Melayu cenderung untuk menyokong calon dari Perikatan Nasional (PN), manakala pengundi bukan Melayu, terutamanya Cina, menunjukkan kecenderungan yang lebih kuat untuk menyokong Pakatan Harapan (PH). Walau bagaimanapun bagi PRK Sungai Bakap kali ini menunjukkan dinamika politik masyarakat terhadap tren sokongan terhadap mana-mana parti boleh berubah mengikut keadaan semasa (Bernama, 2024).

Di samping itu, kecenderungan pengundi terhadap calon dan isu tempatan turut menjadi salah satu dinamika bagi PRK Sungai Bakap kali ini. Calon PN, Abidin Ismail dilihat berjaya menarik sokongan yang signifikan dalam kalangan pengundi melalui kempen yang menekankan isu-isu tempatan seperti pembangunan infrastruktur dan kebajikan penduduk setempat. Keadaan ini membantu PN untuk mengekalkan kerusi tersebut dengan peningkatan jumlah majoriti berbanding pilihan raya sebelum ini (Siti Zubaidah, 2024). Secara keseluruhannya, tren pengundi di DUN Sungai Bakap menunjukkan perpecahan yang jelas berdasarkan kaum dan isu-isu tempatan, dengan PN menunjukkan penguasaan di kalangan pengundi Melayu dan PH lebih kuat di kalangan bukan Melayu.

Justeru, PRK DUN Sungai Bakap yang berlangsung pada Julai 2024 memberikan gambaran yang mendalam mengenai kecenderungan politik dan dinamik sosial masyarakat setempat. Kehadiran pengundi yang stabil, dengan peratusan keluar mengundi yang tinggi, menunjukkan komitmen pengundi terhadap proses demokrasi walaupun dalam konteks PRK. Tren pengundian memperlihatkan perpecahan yang ketara berdasarkan etnik, di mana pengundi Melayu cenderung menyokong calon Perikatan Nasional (PN) manakala pengundi bukan Melayu, terutama masyarakat Cina, lebih condong ke arah Pakatan Harapan (PH). Isu-isu tempatan seperti pembangunan infrastruktur dan kebajikan sosial menjadi faktor penentu dalam pilihan pengundi, sementara prestasi parti politik di peringkat negeri dan persekutuan turut mempengaruhi keputusan PRK ini. Secara keseluruhannya, PRK ini bukan sahaja mencerminkan pola sokongan politik berdasarkan etnik tetapi juga menonjolkan kepentingan isu-isu tempatan dalam membentuk keputusan politik masyarakat Sungai Bakap. Oleh sebab itu, kajian terhadap dinamika politik di Sungai Bakap serta sumber maklumat yang diperolehi mereka amat signifikan menjelang tempoh PRK tersebut.

## Kajian Literatur

Pilihan raya merupakan salah satu ciri-ciri demokrasi (Nurul Naemah et al., 2019) dan komponen penting bagi sesuatu negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen seperti Malaysia (Mohd Faidz et al., 2014). Melalui pilihan raya, rakyat diberi peluang untuk memilih wakil yang akan mewakili mereka di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri melalui parti politik yang pelbagai. Parti politik merupakan elemen yang penting dalam negara terutamanya bagi negara yang mengamalkan demokrasi dalam pemerintahan (Mohd Fuad et al., 2012). Dalam masa yang sama juga kewujudan parti politik memberi peluang dan ruang kepada masyarakat untuk menyampaikan kehendak dan tuntutan mereka terhadap kerajaan. Oleh itu, dasar perjuangan parti politik bagi kesemua parti haruslah selari dengan

kehendak dan keperluan pengundi pada masa kini supaya kehidupan pengundi berada dalam keadaan terjaga dan terjamin. Jika sesebuah parti politik itu mampu memberi segala kemudahan kepada masyarakat secara tidak langsung parti sedemikian yang akan menjadi pilihan pengundi.

Terdapat kajian yang telah dilakukan berkaitan PRK sama ada mengenai pola pengundian ataupun sikap pengundi di kawasan terlibat. Kajian Siti Noranizahhafizah Boyman (2021) meneliti aspek perbandingan keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) 14 dan PRN 2021 di Melaka, pola sokongan pengundi dan analisis kemenangan Barisan Nasional (BN) sama ada boleh menjadi kayu ukur menjelang PRU 15. Hasil kajian ini mendapati pola sokongan pengundi di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka kepada BN sangat tinggi dan konsisten dari PRU 1 hingga PRU 13 dan PRN 2021. BN berada dalam kedudukan yang selesa dengan majoriti dua pertiga setiap kali pilihan raya kecuali PRU 14 (Junaidi Awang Besar, 2022). Selain itu, dapatan menunjukkan kawasan-kawasan yang ditandingi BN pada PRN Melaka mengalami peningkatan prestasi terutamanya rakan komponennya seperti *Malaysian Chinese Association* (MCA) dan *Malaysian Indian Congress* (MIC) yang sebelum ini gagal memenangi kerusi pada PRU 14. Manakala di pihak Pakatan Harapan (PH) dan Perikatan Nasional (PN), menunjukkan penurunan prestasi secara keseluruhan. Parti Islam Se Malaysia (PAS) juga masih gagal memenangi kerusi pada PRU 14 dan PRN Melaka.

Kecenderungan seseorang ini berkait rapat dengan sumber maklumat yang diperolehi oleh seseorang (Mazli & Mohd Rahimi (2022). Malah kecenderungan ini mempunyai tempoh tertentu dan boleh berubah mengikut keadaan (Junaidi Awang Besar dan Mohd Fuad, 2015). Setiap kali berlakunya PRU atau PRK, kecenderungan pengundi berbeza mengikut beberapa faktor. Siti Noranizahhafizah (2019) mendapati belia wanita lebih cenderung melibatkan diri dalam aktiviti politik secara formal seperti mengundi dalam pilihan raya. Hal ini kerana kecenderungan mereka ini disebabkan oleh sikap mereka yang sedikit pasif.

Terdapat beberapa faktor perubahan pola pengundian dalam setiap pilihan raya sama ada Pilihan Raya Umum atau pun Pilihan Raya Kecil. Siti Noranizahhafizah (2021) mendapati ada enam (6) perkara yang boleh dijadikan indikator sama ada PRN Melaka boleh dijadikan kayu ukur kepada PRU 15, iaitu kekuatan parti yang bertanding, manifesto, kempen dan strategi, undi majoriti, masa dan isu. Namun dalam hal ini Junaidi Awang Besar (2022) menjelaskan walaupun PN hanya memenangi 2 kerusi DUN namun mereka menjadi pilihan atau alternatif kedua bagi pengundi Melayu manakala PH pula hanya mendapat tempat ketiga bagi undi Melayu.

Di samping itu, Junaidi Awang Besar (2022) menjelaskan walaupun pilihan raya baharu yang diadakan menyaksikan kemenangan BN dengan majoriti dua pertiga namun undi popular parti tersebut menurun antara PRU 2018 (149,847 undi) kepada 122,741 undi pada PRU DUN Melaka 2021. Namun begitu tidak dinafikan faktor penurunan ini juga disebabkan oleh peratus keluar mengundi pada PRU DUN Melaka 2021 yang turun 20 peratus berbanding PRU 2018. Undi kaum Melayu terutamanya pengundi menetap majoritinya memihak kepada BN/UMNO manakala undi kaum Cina terus didominasi PH terutamanya DAP. Walaupun dalam keadaan peratus keluar mengundi menurun namun BN masih mendapat kepercayaan di 21 daripada 28 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Muhammad Khairul Ashraf Pakri dan Junaidi Awang Besar (2023) berpandangan kewujudan perbezaan dasar perjuangan parti politik yang berbeza-beza di Malaysia mewujudkan kancah politik yang rencam. Keadaan sedemikian adalah disebabkan dasar sesebuah parti politik yang ingin memperjuangkan hak kaum masing-masing tanpa mewujudkan persefahaman bersama. Kajian yang dilakukan adalah ke atas parti politik dan dasar perjuangan di kawasan DUN Pengkalan Pasir, Pasir Mas, Kelantan mendapat bahawa 38 peratus responden faham tentang maksud dasar perjuangan parti politik yang dibawa oleh parti politik di kawasan kajian. 44 peratus responden berpendapat bahawa dasar perjuangan parti politik yang dibawa berjaya untuk mempengaruhi pemikiran mereka untuk menyokong parti politik terbabit dalam pilihanraya. Seterusnya, 58 peratus responden menganggap bahawa parti politik yang memperjuangkan agama Islam akan mewujudkan kancah politik yang stabil di kawasan kajian. Siti Sarah Syazwani Mizul dan Junaidi Awang Besar (2024) dalam kajiannya mendapati perubahan atau dinamika politik yang berlaku di sesuatu kawasan dapat dilihat melalui tingkah laku pengundi yang mengundi calon mereka berdasarkan isu semasa dan sentimen yang wujud. Responden cakna dan mengetahui isu yang sedang berlaku menerusi media seperti media online, media elektronik dan sebagainya. Dalam pada itu juga, majoriti responden dalam kajiannya berpendapat bahawa pilihan raya merupakan medium yang penting kepada rakyat di negara ini kerana dapat menjamin keamanan dan kestabilan negara. Manakala dalam kajian Ariff Aizuddin, Mohammad Tawfik dan Fadhirul Hisham (2019) pula mendapati di dalam PRK Balakong isu seperti mobilisasi kepartian, agama dan perkauman dijadikan senjata utama dalam membina naratif atau sentimen politik. Isu seperti ini sering berulang semula mengikut masa dan situasi yang sesuai dengan demografi di kawasan PRK.

Kajian oleh Nik Hairi Omar, Arena Che Kasim dan Jamiah Manap (2024) meneliti pola sikap dan sokongan pengundi muda kali pertama (undi-18) terhadap integriti calon dan parti-parti politik yang bertanding dalam Pilihanraya Umum ke-15 (PRU15). Berdasarkan kajian yang melibatkan 370 sampel kajian majoriti responden, iaitu 68-97% menunjukkan pola sikap politik yang mengidamkan ciri-ciri pemimpin dan parti politik yang berintegriti tinggi. Namun, majoriti sedar tidak semua calon dan parti politik adalah berintegriti tinggi dan akan membuat pilihan yang terbaik semasa memilih. Dapatkan juga menunjukkan majoriti pengundi kali pertama mempunyai sikap politik partisan dan cenderung untuk memberi undi kepada parti yang telah ditetapkan sejak awal. Dalam aspek penilaian terhadap integriti gabungan parti-parti politik pula menunjukkan gabungan PN dinilai paling berintegriti, diikuti PH, GTA dan BN. Keadaan ini memperlihatkan bahawa pengundi kali pertama menginginkan sebuah kerajaan yang adil dan bertanggungjawab. Mereka juga sentiasa memerhati dan menganalisis perkembangan politik tanah air serta mempunyai penilaian tersendiri terhadap calon-calon dan parti yang bertanding dalam PRU15.

Mokhtar Ahmad dan Junaidi Awang Besar (2024) dalam kajiannya mengkaji perubahan politik di Negeri Sembilan selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14). Negeri Sembilan sebelum ini dikenali sebagai 'fixed deposit' untuk UMNO-BN namun mengalami perubahan signifikan dengan kemenangan Pakatan Harapan (PH) yang terdiri daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR), *Democratic Action Party* (DAP), Parti Amanah Negara (AMANAH) dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) di seluruh kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) terutama di kawasan bandar. Walaupun kawasan luar bandar masih menyokong UMNO-BN, terdapat penurunan yang ketara dalam sokongan undi tersebut. Dalam hal ini Siti Sarah Syazwani dan Junaidi (2024) menjelaskan bahawa Pakatan Harapan (PH) berjaya menewaskan Barisan Nasional (BN) di Negeri Sembilan menunjukkan berlakunya dinamika politik yang menarik dan

bervariasi bersandarkan kepada pengaruh isu, sentimen semasa, kepimpinan serta strategi kempen. Hal ini disebabkan hasil kajiannya mendapati bahawa 96 peratus responden menganggap perubahan politik mencerminkan keperluan atau aspirasi rakyat. Seterusnya, 85 peratus responden menganggap Kerajaan Perpaduan sekarang betul-betul berkhidmat untuk rakyat dan bukannya masih berpolitik untuk mengekalkan kuasa semata-mata serta 85 peratus responden menerima pembentukan Kerajaan Perpaduan yang diterajui Datuk Seri Anwar Ibrahim. Seterusnya, 90 peratus responden menyatakan fahaman politik kepartian memberi kesan kepada pilihan politik di kawasan kajian. Hasil kajian tersebut juga mendapati bahawa kesemua 50 peratus responden merasakan pemilihan parti politik memberi kesan kepada pembentukan kerajaan.

Junaidi, Zaini, Novel Lyndon dan Aajirah Hanim (2023) dalam kajiannya mengenai Pilihan Raya Umum (PRU) Negeri Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu dan Kedah merupakan satu pilihan raya yang penting bagi melihat impak PRU-15 pada tahun 2022 terhadap parti politik dalam Kerajaan Perpaduan dan Perikatan Nasional (PN) sama ada berterusan atau wujud pola baharu. Impak yang dimaksudkan adalah pola sokongan pengundi Melayu dan Cina serta polisi atau dasar Kerajaan Perpaduan yang dijalankan oleh Perdana Menteri ke-10 (PMX). Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa dari sudut geografikal, PH dan PN masing-masing kekal menguasai negeri yang dimenangi pada PRU-14 (2018), iaitu PH kekal menguasai Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan namun berlaku penyusutan kerusi di kawasan Melayu luar bandar manakala PN kekal di Kelantan, Terengganu dan Kedah. Dalam aspek sosiologikal berlaku perubahan, iaitu ‘pengukuhan gelombang merah’ dan kemunculan ‘gelombang hijau’ natijah daripada kemerosotan hegemoni UMNO bukan sahaja daripada pengundi Melayu malah dalam kalangan ahli UMNO sendiri. Oleh itu, faktor geografikal dan sosiologikal akan terus dapat mempengaruhi arah dan pola sokongan pengundi dalam pilihan raya di Malaysia.

Kajian Junaidi Awang Besar et al. (2022) mengenai Pilihan Raya Negeri Johor pada tahun 2022 mendapati pilihan raya tersebut dapat dijadikan sebagai kayu ukur kecenderungan dan dinamika politik khususnya pengundi berumur 18 tahun hingga 21 tahun kerana buat pertama kalinya permulaan melibatkan undi 18. Dalam aspek analisis geopolitik, prestasi parti politik Barisan Nasional (BN) berjaya memenangi pilihan raya tersebut dengan jumlah kerusi DUN yang memberangsangkan namun Perikatan Nasional (PN) turut memberi cabaran yang hebat terutamanya di kawasan majoriti pengundi etnik Melayu manakala Pakatan Harapan (PH) terus mendominasi kawasan bandar majoriti etnik Cina. Pilihan raya ini juga menyaksikan jumlah peratus keluar mengundi menurun kepada hanya 54.92 peratus. Oleh itu, keputusan PRU DUN Johor 2022 menunjukkan bahawa prestasi BN paling memberangsangkan kerana parti tersebut berjaya mengukuhkan kedudukan dalam DUN Johor dengan menguasai lebih 2/3 kerusi DUN, iaitu 40 kerusi DUN (37 kerusi untuk 2/3). BN juga memperoleh undi popular tertinggi berbanding PH dan PN. Namun kemenangan BN tersebut dalam keadaan peratus keluar mengundi yang rendah, iaitu hanya 54 peratus berbanding 85 peratus para PRU-14, 2018.

Nor Famieza Natasha Kamarolzaman dan Junaidi Awang Besar (2024) dalam kajiannya berkaitan pilihan raya DUN Pelangai mendapati kesedaran tanggungjawab pengundi terhadap pilihan raya amat penting bagi menentukan kepimpinan cekap, amanah dan telus yang boleh menjadi penentu masa depan negara (Mohd Rahimi Ramli, 2018). Penyertaan politik daripada masyarakat juga seperti berkempen, menjadi ahli politik, memasang bendera, mendengar ceramah dan memberi ceramah merupakan hal sinonim yang sering dilaksanakan ketika pilihan

raya. Hasil kajiannya mendapati 90 peratus responden berpatisipasi dalam politik sekurang-kurangnya keluar mengundi semasa pilihan raya. Seterusnya, 56 peratus responden menganggap agen sosialisasi politik banyak membantu meningkatkan kesedaran politik. Namun begitu hanya 42 peratus responden yang mempunyai minat yang mendalam mengenai politik. Dalam aspek sokongan pula faktor paling utama sokongan pengundi kepada PN adalah disebabkan kepimpinan PN yang bersih. Manakala sokongan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah disebabkan oleh faktor kepimpinan atau ketokohan pada diri beliau sendiri berbanding sokongan terhadap UMNO atas faktor pengalaman dalam pentadbiran negara. Oleh itu, kecenderungan dan dinamika politik ini ditentukan oleh sentimen yang lebih secocok dengan kemahuan rakyat.

Kajian Junaidi (2024) dalam kajianya berkaitan pengaruh geografi keruangan dalam Pilihan Raya Kecil pasca Pilihan Raya Umum ke-15 di Malaysia mendapati pola pengundian dipengaruhi oleh geografi etnik di sesuatu kawasan dalam pilihan raya kecil pasca PRU-15. Hal ini dapat dibuktikan dengan dapatan kajiannya yang mendapati pengundi Melayu lebih cenderung menyokong PN kerana parti komponen dalam PN yang terdiri daripada PAS dan Bersatu lebih bersifat ultra identiti (perkauman dan keagamaan). Parti-parti dalam komponen dalam PN ini dilihat mampu mengganti UMNO dan dianggap lebih serius dalam memperjuang dan mempertahankan Melayu dan kedaulatan Islam. Sebaliknya pengundi bukan Melayu diperlihatkan lebih selesa menyokong gabungan PH kerana gabungan parti tersebut dianggap ideologi politik yang lebih sederhana serta memperjuangkan keadilan dan persamaan hak semua kaum. Dalam hal ini faktor identiti etnik menjadi salah satu faktor kecenderungan politik seseorang individu.

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas ini, dapat dilihat bahawa setiap kawasan yang melalui proses pilihan raya telah dilakukan kajian ke atasnya daripada pelbagai aspek. Justeru, satu kajian perlu dilakukan ke atas pilihan raya di Sungai Bakap, iaitu antara kawasan yang terkini telah dijalankan pilihan raya dan mengenal pasti perubahan yang berlaku dan pandangan terkini masyarakat terhadap suasana politik terkini.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini berasaskan pendekatan kuantitatif. Seramai 444 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Persampelan bersrata dan persampelan mudah digunakan dalam menentukan sampel kajian ini. Responden yang terlibat dalam kajian ini merupakan mereka yang layak sebagai pengundi dalam PRK DUN Sungai Bakap. Responden yang terdiri daripada etnik Melayu, Cina dan India terlibat dalam kajian ini. Borang soal selidik diedarkan kepada responden kajian sekitar seminggu sebelum proses pengundian ini berlaku.

### **Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Kajian ini dijalankan pada minggu terakhir sebelum PRK Sungai Bakap berlangsung. Kajian ini melibatkan 444 orang yang terdiri daripada pelbagai etnik dan lapisan umur. Daripada 444 majoriti responden terdiri daripada etnik Melayu, iaitu 60 peratus responden. Manakala etnik Cina pula terdiri daripada 25 peratus responden disusuli oleh etnik India sebanyak 15 peratus responden. Dalam aspek latar belakang umur pula, majoriti responden terdiri daripada usia 18 tahun hingga 30 tahun, iaitu sebanyak 77 peratus manakala responden yang berusia 31 tahun hingga 40 tahun terdiri daripada 15 peratus serta masing-masing 4.0 peratus responden berumur 41 hingga 50 tahun dan 50 tahun ke atas.

**Sumber Maklumat Politik**

Sumber maklumat ini penting bagi seseorang individu mendapat maklumat sama ada ketepatan maklumat, kecepatan untuk memperoleh maklumat tersebut (Mazli, Mohd Rahimi & Asilatul Hanaa (2022). Dalam konteks kajian ini, beberapa aplikasi media sosial yang relevan pada masa kini sering digunakan oleh responden dalam memperoleh maklumat politik. Walaupun medium media arus perdana dan arus alternatif banyak menyumbang informasi maklumat namun medium alternatif, iaitu media massa dan medai sosial tetap menjadi pilihan bagi anak muda khususnya bagi mendapat dan menyalurkan maklumat politik (Suhana dan Shahrul Nazmi, 2023). Wan Khalik (2024) menjelaskan media memainkan peranan penting dalam membentuk pemikiran pengundi dan secara tidak lansung menentukan kecenderungan dan dinamika politik mereka. Media ini dianggap penting kerana berfungsi sebagai sumber maklumat politik yang utama kepada rakyat.

**Jadual 1: Sumber Maklumat**

<b>Sumber Maklumat Berkaitan Politik</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
1. <i>Tiktok</i>	368	82.9
2. <i>Facebook</i>	236	53.2
3. <i>WhatsApp</i>	220	49.5
4. <i>Instagram</i>	132	29.7
5. <i>You Tube</i>	128	28.8
6. Akhbar atas talian (Online)	60	13.5
7. Television	52	11.7
8. Telegram	36	8.1
9. Podcast	28	6.3
10. X	20	4.5
11. Laman Sesawang Parti Politik	16	3.6
12. Radio	12	2.7
13. Akhbar Bercetak	8	1.8
14. Akhbar Parti Politik	8	1.8
15. Blog	0	0
16. WeChat	0	0

Berdasarkan Jadual 1, media yang menjadi sumber maklumat utama ialah *Tiktok*. Sebanyak 82.9 peratus responden memilih bahawa *Tiktok* merupakan sumber maklumat utama mereka mendapatkan pengetahuan tentang politik atau isu yang membabitkan negara. Selain itu, *Facebook* dan *WhatsApp* merupakan pilihan kedua dan ketiga tertinggi sebagai medium media sumber maklumat dalam kalangan responden apabila 53.2 peratus memilih *Facebook* sebagai kelompok 3 terpenting disamping 49.5 peratus responden memilih *WhatsApp*. Manakala *Instagram* dan *Youtube* berada pada kedudukan keempat dan kelima dengan masing-masing terdiri daripada 29.7 peratus dan 28.8 peratus responden. Seterusnya medium media seperti akhbar atas talian, television, telegram, podcast, X, laman parti politik, radio, akhbar bercetak dan akhbar parti politik mendapat kurang 20 peratus responden yang menggunakan mereka untuk mendapatkan maklumat politik.

Keadaan ini adalah kerana medium media sosial atau komunikasi ini berkait dengan jurang generasi. Bagi pengundi di bawah 30 tahun majoriti daripada mereka mempunyai akaun *tiktok* berbanding akaun *facebook*. Manakala mereka yang berumur lebih 30 tahun turut mempunyai akaun *facebook*. Tambahan pula kebanyakan video pendek ceramah politik yang disunting banyak dan mudah diperolehi oleh dua medium media, iaitu *tiktok* dan *facebook*. Mereka tidak perlu memuat turun terlebih dahulu video tersebut sebaliknya boleh terus menonton video tersebut. Durasi video yang dimuat naik dalam kedua-kedua medium media ini lebih pendek dan secocok dengan generasi baharu. Oleh sebab itu, medium media ini lebih mendapat tempat sebagai medium sumber maklumat yang utama dalam mendapatkan maklumat politik.

### **Kecenderungan dan Dinamika Pengundi**

Berdasarkan kajian terdapat beberapa kecenderungan dan dinamika pengundi dalam proses pengundian. Matlamat dan pilihan pengundi ini berasaskan kepada penilaian mereka terhadap sesuatu aspek tertentu yang menjadi asas kepada mereka membuat keputusan. Dalam konteks kajian ini faktor asas pengundian sama ada mereka mimilih untuk turun mengundi berasaskan kepada calon atau parti yang bertanding sebagai salah satu kecenderungan mereka. Selain itu, faktor kriteria calon dan parti politik juga dijadikan sebagai indikator kecenderungan asas pemilihan mereka semasa hari pengundian.

**Jadual 2: Asas Mengundi**

<b>Asas Mengundi</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Calon	260	58.6
Parti	184	41.4

Berdasarkan dapatan kajian majoriti responden yang terdiri daripada 444 orang responden yang juga pengundi di Sungai Bakap memilih faktor calon sebagai asas pemilihan mereka, iaitu 58.6 peratus responden berbanding 41.4 peratus sahaja yang memilih faktor parti politik yang bertanding sebagai asas mengundi. Hal ini kerana calon yang dianggap lebih meyakinkan dalam membantu rakyat di kawasan tersebut lebih diperlukan oleh pengundi. Keadaan ini berbeza berbanding sebelum PRU 2018 kerana masyarakat lebih terbuka dan rasional dalam memilih calon yang bertanding.

**Jadual 3: Kriteria Calon Pilihan Pengundi**

<b>Kriteria Calon</b>	<b>Keutamaan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Bertanggungjawab kepada rakyat	1	172	38.7
Tidak Rasuah	2	124	27.9
Menjaga agama	3	68	15.3
Selalu turun padang membantu rakyat	4	64	14.4
Mempunyai idea pembangunan yang hebat	5	8	1.8
Boleh menjaga kepentingan etnik saya	6	4	0.9
Berpendidikan	7	4	0.9

Berdasarkan Jadual 3 berkaitan kriteria calon pilihan pengundi, terdapat beberapa kriteria telah dikatogorikan berdasarkan temubual untuk mendapatkan beberapa maklumat awal kriteria utama dalam masyarakat setempat serta pengkaji juga merujuk sumber kajian perpustakaan dari hasil penulisan pengkaji lepas. Namun, pengkaji juga telah memberi ruang dalam borang soal selidik untuk responden mencadangkan kriteria lain selain yang telah disenaraikan.

Hasil kajian mendapati kriteria calon yang bertanggungjawab yang paling diberi keutamaan berbanding kriteria lain. Sebanyak 38.7 peratus responden menganggap bahawa kriteria ini paling penting dalam menentukan pilihan semasa membuang undi. Selain itu, dua (2) kriteria lain yang menjadi keutamaan kriteria tanggungjawab ialah calon yang tidak cenderung kepada rasuah serta calon yang dilihat lebih cenderung mampu menjaga agama kerana 27.9 peratus dan 15.3 peratus responden bersetuju menyatakan bahawa kriteria ini penting sebagai asas mereka memilih calon dalam pilihan raya nanti.

Menurut Junaidi (2018) dalam memastikan halatuju dan pembangunan sesuatu kawasan, pemimpin dan parti politik merupakan aspek yang penting dalam menentukan matlamat tersebut dicapai. Sekiranya pemimpin yang dipilih tersebut mengutamakan rakyat serta bervisi jauh akan menentukan halatuju dan pendirian parti serta secara tidak langsung kawasan di tempat mereka dipilih mendapat manfaatnya. Dalam menghadapi sesuatu pilihanraya seseorang pemimpin dan sesebuah parti politik mempunyai dinamika yang tersendiri bergantung kepada senario dan isu semasa serta trend sokongan pengundi dalam sesuatu pilihan raya. Jika dilihat dalam DUN dan Parlimen di negeri Kedah dalam kajian Mohd Fuad et al. (2012), mendapati kriteria yang menjadi keutamaan kepada rakyat pada ketika itu ialah pemimpin yang berjiwa rakyat, mesra rakyat dan selalu turun padang menyelesaikan masalah bersama mereka. Seterusnya kriteria pemimpin yang jujur dan amanah serta bersih daripada rasuah, mempunyai karisma dan ketokohan serta mementingkan perpaduan kaum dan agama menjadi keutamaan bagi mereka berbanding faktor pemimpin yang mempunyai pengetahuan agama yang mendalam, kelayakan akademik yang tinggi, sebangsa, calon tempatan dan muda. Dalam hal ini masyarakat melihat pemimpin yang boleh membangunkan dan menyelesaikan isu setempat lebih dominan. Oleh sebab itu, kejayaan dan jatuh bangun seseorang pemimpin dan parti politik bergantung kepada kuasa rakyat yang mampu menentukan sama ada seseorang pemimpin atau parti politik tersebut dijulang atau dijatuhkan (Junaidi, 2018).

**Jadual 4: Kriteria Parti Pilihan Pengundi**

Kriteria Parti	Keutamaan	Kekerapan	Peratus (%)
Parti yang bertanggungjawab kepada rakyat	1	192	43.2
Pemimpin parti tidak terlibat dengan rasuah	2	160	36.0
Parti yang mampu menjaga agama	3	44	9.9
Parti yang boleh memberi pembangunan	4	36	8.1
Parti yang boleh menjaga kepentingan etnik saya.	5	12	2.7

Berdasarkan Jadual 4, terdapat beberapa kriteria parti politik yang menjadi asas pilihan pengundi. Kriteria parti yang dianggap bertanggungjawab kepada rakyat menjadi keutamaan masyarakat setempat kerana 43.2 peratus responden memilih kriteria ini sebagai keutamaan. Keadaan ini menggambarkan isu tempatan menjadi elemen penting kepada para pengundi dalam menentukan parti pilihan. Selain itu, kriteria parti politik yang tidak mempunyai pemimpin parti yang tidak terlibat dengan rasuah. Hal ini kerana 36 peratus responden kajian memilih faktor ini sebagai kriteria utama. Walaupun isu rasuah dalam kalangan pemimpin parti berada di tempat lain atau diperingkat pusat namun faktor ini penting untuk dinilai dalam masyarakat setempat dalam menentukan kecenderungan mereka. Kriteria ketiga yang menjadi keutamaan kepada responden kajian ialah kriteria parti yang mampu menjaga agama. Sebanyak 9.9 peratus responden memilih kriteria ini penting dalam menentukan kecenderungan mereka. Faktor agama ini telah sinonim dengan etnik Melayu atau penganut agama Islam yang sensitif

dengan perihal agama (Mazli & Mohd Rahimi, 2021). Sekiranya agama Islam dilihat terancam maka sentimen agama akan menjadi lebih utama berbanding yang lain kerana budaya politik orang Melayu masih terikat dengan budaya tradisi yang mana agama menjadi salah satu faktor penting.

Di samping itu, kriteria parti yang boleh memberi pembangunan turut menjadi kriteria utama walaupun hanya 8.1 peratus. Hal ini kerana dikawasan ini tidaklah terlalu jauh dengan kawasan bandar dan fasiliti yang sedia ada telah sedia ada. Namun begitu beberapa isu asas seperti isu air masih menjadi isu yang hangat dibincangkan dalam masyarakat setempat. Isu seperti ini boleh menjadi faktor penolakan sekiranya tidak diurus dengan baik oleh parti yang memerintah. Bagi kriteria parti yang boleh menjaga kepentingan etnik, hanya 2.7 peratus sahaja responden memilih faktor ini sebagai keutamaan. Hal ini berkait rapat dengan pengalaman mereka tinggal di negeri Pulau Pinang yang selama ini dipimpin oleh orang bukan Melayu. Pengalaman mereka mendapat manfaat pembangunan daripada pemimpin bukan Melayu serta kehidupan mereka bergaul dengan pelbagai etnik menjadikan faktor ini bukan suatu masalah besar bagi mereka.

Bagi Junaidi (2018) ciri-ciri seorang pemimpin serta sokongan kepada parti politik merupakan aspek penting dalam memastikan perjalan kelancaran pembangunan dan kestabilan politik di sesuatu kawasan. Aspek tersebut perlu bagi memastikan rakyat dapat hidup dengan aman dan selesa. Bagi pengundi Melayu, sebahagian mereka lebih cenderung memilih parti politik yang dilihat lebih meyakinkan dalam menjaga hal ehwal agama serta hak orang Melayu (Junaidi, 2024). Justeru kriteria pemilihan dilihat selari dengan imej yang ditonjolkan dalam sesebuah parti politik pilihan.

### **Kesimpulan**

Konklusinya, hasil kajian ini menjelaskan bahawa terdapat 3 medium utama yang menjadi sumber maklumat kepada responden di DUN Sungai Bakap, iaitu *Tiktok*, *Facebook* dan *WhatsApp*. Hal ini berkait rapat dengan bilangan responden yang terdiri daripada golongan muda yang lebih sinonim dengan medium sosial media *Tiktok* berbanding sosial media yang lain. Dalam aspek asas mengundi, responden kajian memilih faktor calon berbanding parti politik. Hal ini kerana isu setempat yang menjadi lebih dekat dengan masyarakat di Sungai Bakap berbanding isu lain. Apabila isu setempat menjadi keutamaan, faktor calon yang lebih diperlukan bagi membantu menyelesaikan isu setempat yang berbangkit. Keadaan ini menggambarkan dinamika pengundi yang tidak berparti atau bukan ahli mana-mana parti memilih berdasarkan faktor kepimpinan di kawasan mereka dan bukan berdasarkan parti politik semata-mata. Mereka sedar sekiranya memilih berdasarkan parti politik semata-mata, calon yang terpilih berkemungkinan tidak mampu membawa perubahan atau menyelesaikan isu setempat kerana tidak merasai kesusahan rakyat di kawasan tersebut. Tambahan pula dalam aspek kriteria calon dan parti politik yang bertanding, faktor bertanggungjawab kepada rakyat menjadi keutamaan. Oleh sebab itu, aspek kepimpinan dan calon yang dianggap berjiwa rakyat diperlukan di DUN Sungai Bakap.

Justeru, dinamika politik ini berbeza mengikut tempat dan masa. Perubahan dinamika ini berlaku apabila masyarakat setempat mendapat maklumat berkaitan isu semasa yang boleh mereka pertimbangkan dalam menentukan pilihan mereka semasa pilihanraya. Keadaan ini menggambarkan sumber maklumat yang tepat dan cepat diperlukan oleh masyarakat bagi menilai dan menentukan setiap pilihan yang mereka pilih. Selain itu, parti politik atau calon

yang bertanding perlu bijak memanfaatkan media sosial yang bersesuaian dengan demografi penduduk di sesuatu kawasan agar maklumat kempen mereka sampai kepada sasaran pengundi. Oleh itu, dinamika politik DUN Sungai Bakap yang merupakan konfigurasi politik masa kini amat signifikan bagi menggambarkan pola pengundian dalam sesebuah PRK.

### **Penghargaan**

Penghargaan kepada Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah kerana memberi ruang dan peluang menjalankan kajian ini di lapangan kajian (Sungai Bakap).

### **Rujukan**

- Abdul Hadi Samsi, Amaluddin Abdul Rahman & Ku Hasnita Ku Samsu. (2013). The motivating factors of Malaysian Youths Political Participation: An overview. *Elixir Social Science*, 62(1), 17783-17787.
- Abdul Hadi Samsi. Penglibatan belia dalam politik di Selangor. [Tesis PhD tidak diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia, Serdang. Selangor.
- Astro Awani. (2024). PRK Dun Sungai Bakap 2024. Dimuat turun daripada <https://pulse.astroawani.com/prk-sungai-bakap-2024>.
- Audrey Dermawan & Siti Aminah Mohd Yusof. (2024). Terkini: Keputusan PRK Dun Sungai Bakap. Dimuat turun daripada <https://www.hmetro.com.my/utama/2024/07/1108415/terkini-keputusan-prk-dun-sungai-bakap>.
- Bernama. (2024). PRK Dun Sungai Bakap: Chow harap peratusan keluar mengundi melebihi 65 peratus. Dimuat turun daripada <https://www.astroawani.com/berita-politik/prk-sungai-bakap-chow-harap-peratusan-keluar-mengundi-melebihi-65-peratus-477861>.
- Bernama. (2024). PRK Sungai Bakap: PN kekal status quo, pertahan kerusi. Dimuat turun daripada <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2315068>.
- Faezah Kassim, Noor Ain Mat Noor, Muhammad Shamshinor Abdul Azzis, Irene Yong Seok Ching, Mohd Rahimi Ramli & Fatimi Hanafi. (2023). Pelaksanaan dan Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Falsafah dan Isu Semasa dalam Kalangan Pelajar di Universiti Malaya. *Jurnal Sains Insani*, 8(1), 15-24.
- Fahmy A. Rosli. (2024). Gabungan dua isu utama faktor PH gagal rampas Sungai Bakap. Dimuat turun daripada <https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2024/07/1268590/gabungan-dua-isu-utama-faktor-ph-gagal-rampas-sungai-bakap>.
- Jabatan Perkhidmatan Awam. (2024). Undang- undang Malaysia Perlembagaan Persekutuan megandungi pindaan terkini- Akta A1198/2003. Dimuat turun daripada <https://www.jpapencen.gov.my/cat289562/published/Perlembagaan%20Persekutuan-Ma. Html>.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Syahruddin Hj Awg Ahmad, Fauzie Sarjono, Mohamad Haziq Iksan Mohd Rudzainor, Aajirah Hanim Abdul Halim, Mohd Syukri Zainuddin, Ahmad Aiman Noor Azman & Muhammad Yusuf Idris. (2022). Geopolitik negeri Johor dan Prestasi Parti Politik dalam Pilihan Raya Umum DUN Johor 2022. *International Journal of Law, Government and Communication*. 7(28), 1-22.
- Junaidi Awang Besar, Zaini Othman, Novel Lyndon dan Aajirah Hanim Abdul Halim. (2023). Pilihan Raya Umum (PRU) Negeri di Malaysia 2023: Satu Analisis Geografikal dan Sosiologikal. *International Journal of Law, Government and Communication*. 8(34), 22-37.

- Junaidi Awang Besar. (2018). Kriteria Pemimpin dan Pola Sokongan Kepada Parti Politik di Dewan Undangan Negeri N56 Apas, Sabah. *Malaysian Journal of Society and Space*, 14(3), 128-140.
- Junaidi Awang Besar. (2022). Geopolitik Melaka Dan Pilihan Politik Pengundi Dalam Pilihan Raya Dun Melaka 2021. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 19(1), 64-80.
- Junaidi Awang Besar. (2024). Pengaruh Geografi Keruangan Dalam Pilihan Raya Kecil Pasca Pilihan Raya Umum ke-15 di Malaysia. *GEOGRAFI*, 12(1), 140-162. <https://doi.org/10.37134/geografi.vol12.1.8.2024>
- Mazli Mamat & Mohd Rahimi Ramli. (2021). Kecenderungan Politik Pengundi Luar Kelantan di Lembah Klang Pasca PRU-14: Suatu Pemerhatian Kritikal. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17(3), 273-286.
- Mazli Mamat & Mohd Rahimi Ramli. (2022). Peranan Agen Sosialisasi Ibu Bapa Terhadap Pengetahuan Politik Mahasiswa Melayu di Universiti Awam. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 7(1), 33-43.
- Mazli Mamat, Mohd Rahimi Ramli & Asilatul Hanaa Abdullah. (2022). The Influences of Mass Media on the Involvement of Malay Students in Public Universities. *Journal of Administrative Science*, 19(2), 193-214.
- Mohd Faidz Mohd Zain, Samsu Adabi Mamat, Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2014). Pilihan Raya Umum 2013: Penolakan Berterusan Pengundi di Kelantan Terhadap Barisan Nasional. *Malaysian Journal of Society and Space*, 10(4), 15-27.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Amriah Buang, Mohd Jalaluddin Hashim, Novel Lyndon, Hamzah Jusoh, H.A., Sivapalan Selvadurai, Er Ah Choy, & Mohd Yusof Hussain. (2012). Pengaruh politik alam sekitar terhadap persepsi pengundi: Kajian kes DUN Kedah. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(6), 117-133.
- Mohd Rahimi Ramli, Mohd Syariehudin Abdullah, Abdul Hadi Samsi & Muhammad Shamshinor Abdul Azzis. (2020). Pengetahuan dan Pengamalan Nilai Patriotisme Dalam Kalangan Masyarakat Peribumi di Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 26(2), 81-100.
- Mohd Rahimi Ramli. (2018). Nilai dan Pengamalan Patriotisme Dalam Kalangan Masyarakat Sabah di Malaysia. [Tesis PhD tidak diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia.
- Mokhtar Ahmad & Junaidi Awang Besar. (2024). Pola Pandangan Pengundi Melayu Pasca PRU-14 di Negeri Sembilan. *International Journal of Law, Government and Communication*. 9(36), 37-52.
- Muhammad Khairul Ashraf Pakri & Junaidi Awang Besar. (2023). Parti Politik dan Dasar Perjuangan di Kawasan DUN Pengkalan Pasir, Pasir Mas, Kelantan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 7(2), 1-18.
- Nik Hairi Omar, Arena Che Kasim & Jamiah Manap. (2024). Pola Sikap dan Sokongan Pengundi Muda (Undi-18) Terhadap Integriti Calon dan Parti Dalam Pilihanraya Umum 15 (PRU15). *Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(3), 518-532.
- Nor Famieza Natasha Kamarolzaman & Junaidi Awang Besar. (2024). Kesedaran Tanggungjawab Pengundi Terhadap Penglibatan Dalam Pilihan Raya: Kajian Kes di Kawasan DUN Pelangai, Bentong, Pahang. *Jurnal Wacana Sarjana*, 8(1), 1-15.
- Nur Izzati Mohamad. (2024). PN pertahan kerusi Dun Sungai Bakap, majoriti undi naik. Dimuat turun daripada <https://www.hmetro.com.my/utama/2024/07/1108464/pn-pertahan-kerusi-dun-sungai-bakap-majoriti-undi-naik>.
- Nurul Fatihah Mohd Shahir & Junaidi Awang Besar. (2023). Krisis dan Kerjasama Parti Politik: Kajian Kes di Kawasan DUN Tanjong Mas, Kota Bharu, Kelantan. *Jurnal Wacana Sarjana*. Volume 7(1) January 2023, 1-21.

- Nurul Naemah Hamedan, Syed Agil Shekh Alsagoff & Akmar Hayati Ahmad Ghazali. (2019). Media, Isu dan Tingkah Laku Pengundi Dalam Pilihan Raya Umum ke-14: Satu Kajian Awal. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 25(2), 293-312.
- Portal Rasmi Parlimen Malaysia. (2024). Kenyataan media kekosongan luar jangka kerusi dewan rakyat kawasan P. 161 Pulai, Johor. Dimuat turun daripada [https://www.parlimen.gov.my/kenyataan\\_media\\_kekosongan\\_luar\\_jangka\\_kerusi\\_dewan\\_rakyat\\_kawasan\\_p161\\_pulai\\_johor.html](https://www.parlimen.gov.my/kenyataan_media_kekosongan_luar_jangka_kerusi_dewan_rakyat_kawasan_p161_pulai_johor.html).
- Sarjit S. Gill, Ahmad Tarmizi Talib & Mohd Rahimi Ramli. (2016). Nilai Patriotisme Dalam Kalangan Masyarakat Multi-Etnik di Sabah. Dlm Ronald Kiandee & Sivamurugan Pandian (pnyt.), *Patriotisme Malaysia: Sejarah, Isu dan Cabaran*. 153-165. Penerbit.
- Siti Noranizahhafiza Boyman. (2021). *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 48(3), 105-126.
- Siti Zubaidah Zakaraya (2024). Rasmi PN menang Sungai Bakap. Dimuat turun daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/673733/berita/politik/rasmi-pn-menang-di-sungai-bakap>.
- Suruhanjaya Pilihan Raya. (2024). Proses mengundi bagi pilihan raya kecil. Dimuat turun daripada <https://www.spr.gov.my/en/node/1712> 2024.
- Wan Khalik Wan Muhammad. (2024). Media dan Pilihan Raya: Satu Kajian Ke Atas Negeri Sarawak. [Tesis PhD tidak diterbitkan]. Universiti Utara Malaysia, Sintok, Malaysia.